

05/10/1998

Pemecatan tidak gugat Umno

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sedikit pun tidak menggugat perpaduan dan keutuhan Umno, sebaliknya ahli terus bersatu dalam menangani isu itu.

Malah, pelbagai pihak yakin ahli Umno kini lebih matang menilai sesuatu isu dan akan menolak sebarang gerakan yang mengetepikan kepentingan parti serta negara.

Pengerusi Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kesetiaan ahli masih kukuh kerana ramai dapat membezakan isu sebenar berhubung pemecatan Anwar.

Menurutnya, gerakan reformasi Anwar juga tidak mendapat sokongan Ahli Umno kerana perjuangan itu lebih membabitkan kepentingan peribadi daripada perjuangan parti.

"Lagi pun, Umno sudah banyak membawa perubahan dan kemakmuran kepada bangsa dan negara.

"Jasa dan sumbangan Umno sejak ditubuhkan pada 1946 menjadi faktor utama ahli terus menyokong dan menunjukkan taat setia kepada kepemimpinan Umno," katanya mengulas kedudukan Umno berikutan isu pemecatan Anwar.

Anwar yang kini ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berikutan kekacauan yang dicituskan penyokongnya, menghadapi lima tuduhan rasuah dan lima tuduhan melakukan hubungan seks di luar tabii.

Mengulas perkara yang sama, bekas Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang dibubarkan, Datuk Dr Rais Yatim berkata sehingga ini tidak ada kejadian ahli keluar beramai-ramai dan ini membuktikan gerakan reformasi Anwar tidak mendapat sokongan.

Menurutnya, rakyat sebenarnya lebih yakin dengan kewibawaan kerajaan dan akan menolak sebarang usaha untuk melemahkan Umno dan kerajaan.

"Sejarah membuktikan, rakyat tetap menaruh keyakinan dan menyokong kerajaan dan Umno, walaupun Team B yang kemudiannya menjadi pembangkang, pernah mengetengahkan isu agenda Melayu, badan kehakiman dan raja-raja Melayu," katanya.

Penyelaras Unit Pengajian Strategi dan Keselamatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Zakaria Ahmad, juga berkata, gerakan reformasi yang cuba dibawa Anwar tidak mampu mempengaruhi rakyat.

Malah, katanya, rakyat tidak mudah terpengaruh dengan usaha menyuarakan bantahan dan menentang kerajaan melalui demonstrasi yang boleh mengancam keselamatan negara.

Bagaimanapun, katanya, apa yang berlaku sekarang berbeza dengan krisis 1987 yang membawa pengharaman kepada Umno kerana ketika itu berlaku perselisihan mengenai pelaksanaan dasar sehingga mewujudkan dua "team" dalam Kabinet.

"Keadaan sekarang berbeza kerana Anwar hanya membangkitkan perkara ini di luar kerajaan seorang diri.

"Apa yang jelas, ahli Umno tetap menyokong kerajaan dan kita tidak melihat isu yang cuba dibawa Anwar boleh menjejaskan struktur parti dan kerajaan," katanya.

Ketua Penerangan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Badaruddin Amiruddin, pula berkata orang ramai kini semakin faham dengan tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar selepas bekas Timbalan Perdana Menteri itu dihadapkan ke mahkamah.

"Mereka menerima dengan baik penjelasan ahli Majlis Tertinggi (MT) dan menganggap keputusan Perdana Menteri bijak bagi memastikan pemimpin negara

benar-benar berwibawa," katanya.

Ketua Penerangan Badan Perhubungan Umno Johor, Mohd Khaled Nordin, berkata Anwar sebenarnya `salah baca' terhadap kesetiaan dan kejujuran ahli kepada parti.

(END)